



Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan edisi ke-15



Menarik di dalam

- Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa
- Hejohanan Sukan Hari Muzium Antarabangsa
- Majlis Penyampaian Amanat dan Bendera Honfijen oleh YBhg. Ketua Pengarah JMM

Sidang Redaksi

Penasihat

Dato' Ibrahim bin Ismail

Ketua Editor

Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff

Editor

Haji Zawawi bin Haji Iram Osman
Kamarul Baharin bin A. Kasim
Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Zanita binti Anuar

Penyelaras

Bahagian Penyelidikan

Raka Bentuk dan Raka Letak

Nor Hasni binti Che Hassan
Nor Hafizah binti Abdul Rahman

Fotografi

Sumber Media

Edaran

Unit Perpustakaan

Diterbitkan oleh

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara,
50566 Kuala Lumpur
Tel: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603) 2282-6434
<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak oleh

Blue -T Communication Sdn. Bhd.,
4-1, Jalan Wangsa Setia,
35330 Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.
Tel: (+603) 4149 4119

BERITA JMM

Dilebatkan bagi bulan sekali. Periodikal dan codongan yang terdiri dalam apa jua bentuk tidak semestinya mencerminkan perasaan dan codongan pengurusan JMM. Kandungan yang diterbitkan boleh diakui semula dengan istilah Editor Berita JMM. Sidang redaksi mengalu-aluan berto dan rencana yang pada setiap tahap daripada kaktangan jabatan. Sidang redaksi berhal angredit bahan tersebut.

Lidah Pengarang



Assalamualaikum WBT dan salam 1Malaysia

Sejak penubuhannya, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa memainkan peranan dan fungsinya untuk memelihara serta menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara melalui program pameran. Walaupun JMM mempunyai fungsi yang pelbagai, program pameran tetap memainkan peranan besar dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan yang berkesan kepada masyarakat. Setiap pameran yang dianjurkan telah berjaya memberikan impak yang tersendiri kepada pembangunan minda dan intelektual masyarakat, thususnya dalam menghayati warisan khazanah negara.

Pada tahun 2011, JMM telah merancang pelbagai pameran atas pelbagai tema di kesemua 21 muzium di bawah JMM. Sehingga bulan Jun, beberapa pameran telah dianjurkan oleh JMM, antaranya Pameran Setem 1Malaysia, Pameran Plata Suzuki AFF, Pameran Batuan Pelek, Pameran Hari Muzium Antarabangsa, Pameran Orang Asli dan Pameran Pertandingan Foto Alam yang telah menerima sambutan yang menggalakkan dan respons positif daripada pengunjung tempatan dan luar negara. Kejayaan tersebut memberikan dorongan dan semangat kepada JMM untuk merancang dan menghasilkan program pameran yang lebih baik pada masa akan datang.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga JMM sedar dan memahami bahawa mereka memegang tanggungjawab yang besar dalam memastikan masyarakat menerima input yang berkualiti serta maklumat yang tepat melalui program-program pameran yang dilaksanakan. Justeru, segala idea dan usaha perlu disepakta untuk memastikan tahap pameran yang berkualiti dan berimpak tinggi dihasilkan dari semasa ke semasa. Semoga segala usaha yang dilakukan oleh kita semua akan meletakkan JMM sebagai agensi yang terus relevan dan berperanan sebagai 'custodian' memelihara warisan khazanah negara kekal selama-lamanya.

"Kunjungilah Muzium"

Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman
Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Malaysia.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa

Oleh : Mohd Razalmi bin Hamat (Bahagian Pendaftaran)

Bertemakan Muzium dan Kenangan, sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan edisi yang ke-15 telah disambut dengan jayanya di negeri penuh adat Negeri Sembilan Darul Khusus. Perhimpunan terbesar warga muzium ini telah berlangsung dari 18 - 24 Mei 2011 dan telah berjaya menghimpunkan warga penggerak institusi permuziuman di seluruh negara. Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh ini seperti pameran, seminar, bengkel, sukan, riadah, aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan.

Pada 19 Mei 2011, Majlis Perasmian Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan di Auditorium Jabatan Kebudayaan Negeri Sembilan. Selari dengan tema sambutan pada tahun ini, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan menyarankan agar muzium-muzium di seluruh negara terus menggiatkan pelaksanaan aktiviti yang menarik dan berkualiti bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk mengunjungi dan seterusnya menjadikan muzium sebagai destinasi wajib dilawati. Majlis perasmian ini turut dimeriahkan dengan persempahanan kebudayaan oleh artis kebudayaan Negeri Sembilan dan demonstrasi menggemping padi. Sejurus selesai Majlis Perasmian, para kenamaan telah dibawa ke perkarangan Muzium Negeri Sembilan bagi majlis pelancaran Pameran Khas Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2011.



▲ Yang Berhormat Datuk Mat Ali Bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sedang memberikan ucapan di Majlis Perasmian sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa di Auditorium Jabatan Kebudayaan Negeri



▲ Yang Berbahagia Dato' Ibrahim bin Ismail menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Datuk Mat Ali bin Hassan.



▲ Barisan pembentang seminar yang bertajuk "Muzium dan Memori".



▲ Yang Berhormat Datuk Mat Ali bin Hassan dan Yang Berbahagia Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang melihat artefak yang dipamerkan di gerai pameran.

Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara melalui kaedah pameran, tradisi ini terus dikekalkan pada setiap kali sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan. Pada edisi kali ini, sebanyak 21 buah muzium telah mengambil bahagian dalam pameran ini dengan menampilkan kepelbagaian tema serta keunikan budaya tradisi negeri dan muzium masing-masing. Pameran yang telah berlangsung di perkarangan Muzium Negeri Sembilan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila dianggarkan seramai 25 ribu pengunjung telah mengunjungi pameran ini.

Penganjuran pada tahun ini turut melibatkan beberapa program utama yang lain seperti Bengkel Penghayatan Adat Perpatih Negeri Sembilan; Bongai, Larion Muzium, Kembara Muzium, Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat, Seminar Antarabangsa dan pertandingan sukan dalam kalangan warga muzium.

Sesungguhnya Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2011 telah meninggalkan kenangan yang cukup mendalam kepada warga muzium yang terlibat. Dedikasi serta komitmen yang ditonjolkan membuktikan bahawa kesepaduan serta kerjasama yang padu dalam kalangan warga Muzium Malaysia telah memastikan penganjuran pada kali ini mencapai matlamat dan objektifnya. Semoga berjumpa lagi pada tahun 2012 di Negeri Pahang Darul Makmur.



▲ Peserta seminar sedang mendaftar di meja pendaftaran sebelum memasuki dewan seminar yang diadakan sempena Hari Muzium Antarabangsa.



▲ YBhg. Dato'Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM turut serta dalam acara menembak ketika Hari Muzium Antarabangsa 2010 di Negeri Sembilan pada 19 Mei 2011.



▲ Peserta mazumthon yang mengambil bahagian dilepaskan mengikut kategori masing-masing.



Fakta:

Hari Muzium Antarabangsa diayakan oleh muzium-muzium seluruh dunia pada 18 Mei setiap tahun adalah hasil resensi Persidangan Majlis Muzium Antarabangsa ke-12 pada tahun 1977. Perayaan yang diliharkannya oleh International Council of Museums (ICOM) ternyata mendapat sambutan yang baik apabila 102 buah negara telah mengikuti dan mengambil inisiatif untuk mempersiapkan perayaan Hari Muzium Antarabangsa ini.

Kejohanan Sukan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2011

Oleh : Mohd Razaimi bin Hamat (Bahagian Pendaftaran)

Tradisi penganjuran kejohanan sukan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kembali dilaksanakan pada tahun ini bagi meningkatkan daya saing serta memupuk silatur rahim dalam kalangan warga muzium seluruh negara melalui wadah kesukanan. Bertempat di Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Dr. Mohd Said di Seremban 2, kejohanan sukan yang berlangsung dari 19 - 22 Mei ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Abdul Samad bin Ibrahim, Exco Pembangunan Modal Insan, Belia dan Sukan Negeri Sembilan. Kejohanan masih mengekalkan format asal yang membahagikan kumpulan mengikut zon yang terdiri daripada Zon Utara, Zon Wilayah, Zon Tengah, Zon Keselamatan, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Sebanyak 11 acara sukan telah dipertandingkan meliputi sukan futsal, badminton, sepak takraw, bola tampar, ping pong, boling, karom, dam aji, congkak, dart dan batu seremban. Turut diperkenalkan ialah sukan menyumpit sebagai acara baharu tetapi tidak dipertandingkan. Kejohanan sukan yang telah berlangsung selama empat hari ini berjaya mencungkil bakat-bakat hebat dalam kalangan warga muzium. Apa yang lebih membanggakan ialah semangat kesukanan yang tinggi ditonjolkan dalam setiap permainan. Adat permainan ada kalah dan ada yang menang, ternyata edisi kali ini, Zon Timur, iaitu gabungan Muzium Negeri Kelantan, Muzium Negeri Terengganu dan Muzium Negeri Pahang terlalu unggul apabila menjuarai lima acara sukan, iaitu futsal, ping pong, dam aji, congkak dan batu seremban, sekali gus muncul sebagai Juara Keseluruhan Kejohanan Sukan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2011.

Zon Sarawak pula muncul sebagai naib juara melalui kemenangan dalam sukan bola tampar, dart dan badminton. Zon Tengah yang mengungguli sukan sepak takraw dan boling pula memenangi tempat ketiga.

Semangat kesukanan, daya saing dan silaturahim yang terjalin sepanjang kejohanan sukan ini telah membuktikan bahawa muzium-muzium di Malaysia juga mempunyai bakat-bakat sukan yang hebat dan mampu untuk lebih menonjol lagi pada masa akan datang. Apa yang lebih penting ialah semangat kerjasama yang padu oleh seluruh warga muzium telah melancarkan keseluruhan kejohanan malah dapat direalisasikan dalam suasana penuh harmoni.



► Peserta perbarisan dari Zon Wilayah bergambar selepas berjaya menjadi juara perbarisan sempena Hari Muzium Antarabangsa 2011.



► Perlawanan futsal yang menyaksikan pasukan dari Zon Wilayah berentap menentang pasukan dari Zon Sarawak.

MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT OLEH YBHG. KETUA PENGARAH JMM DAN PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UNTUK SUKAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2011

Oleh : Nor Hasni binti Che Hassan (Bahagian Penyelidikan)

Sempena Sukan Hari Muzium Antarabangsa 2011 yang berlangsung dari 19 hingga 22 Mei 2011, Majlis Penyampaian Amanat oleh YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Penyerahan Bendera Kontinjen Zon Wilayah telah diadakan pada 13 Mei 2011 bertempat di Pentas Terbuka JMM. Majlis yang berlangsung pada jam 4.15 petang itu, telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), pegawai-pegawai kanan dan atlet-atlet yang terdiri daripada staf JMM.

Majlis dimulakan dengan ucapan Ketua Pengarah JMM yang menyuarakan harapan supaya kontinjen JMM atau Zon Wilayah bertanding dengan semangat kesukaran yang tinggi, berjuang untuk kemenangan

dan menerapkan aspek disiplin yang tinggi bagi menjaga imej Jabatan. Beliau turut menyatakan rasa penghargaan kepada semua atlet yang melibatkan diri dan mendoakan kejayaan kepada Zon Wilayah. Ketua Pengarah JMM kemudiannya menyerahkan pakalan dan kelengkapan sukan kepada pengurus-pengurus kontinjen sebagai tanda simbolik dan membakar semangat para kontinjen. Seterusnya, YBhg. Dato' Ibrahim telah menyempurnakan penyerahan bendera kepada Chef-de-mission Zon Wilayah iaitu Encik Samsol bin Sahar.

Zon Wilayah dengan penyertaan seramai 65 orang atlet akan bertanding dalam 11 acara sukan, iaitu futsal, bola tampar, badminton, ping pong, boling, dart, congkak, karom, sepak takraw, dom aji dan batu seremban.



Pameran dan Pertandingan Foto Alam 2011

Oleh : Degor anak Johia (Muzium Alam Semula Jadi)

Perkembangan fotografi digital yang kian pesat telah mendorong bukan sahaja golongan profesional malahan turut dipelopori generasi muda pada masa kini yang tampaknya semakin giat menghasilkan pelbagai karya yang kreatif dan berinovatif. Selaras dengan perkembangan pesat dunia fotografi ini, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Pameran Foto Alam 2011 bertempat di Muzium Alam Semula Jadi, Presint 15, Putrajaya mulai 14 Jun 2011 sehingga 18 September 2011. Majlis Perasmian Foto Alam ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf, Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada 14 Jun 2011.

Pameran Foto Alam diadakan bertujuan memperkenalkan semua hasil seni fotografi khusus mengenai alam semula jadi negara kita yang terdiri daripada flora, fauna dan batuan negara. Ia diadakan sebagai kesinambungan daripada penganjuran Pertandingan Foto Alam yang telah berlangsung pada 6 April hingga 6 Mei 2011 yang lalu. Objektif utama pertandingan tersebut diadakan adalah bagi menggalakkan masyarakat lebih menghargai keindahan alam semula jadi menerusi seni fotografi, selain turut memberikan peluang kepada semua peringkat umur untuk melibatkan diri dalam aktiviti seni fotografi. Di samping itu, pameran ini juga menjadi medium untuk mereka mencurahkan kreativiti seni foto masing-masing khusus dalam apresiasi terhadap alam semula jadi.



▲ YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf terlarkip kepada salah satu Foto Alam yang dipamerkan.



▲ YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK sedang memberikan ucapan perasmian.

Lebih daripada 230 keping gambar foto alam yang dipamerkan secara moyang dan imej cetak dalam pameran ini adalah hasil karya para peserta yang menyertai Pertandingan Foto Alam 2011. Terdapat dua kategori utama yang telah dipertandingkan, iaitu kategori terbuka (18 tahun ke atas) dan kategori sekolah (bawah 18 tahun) dengan pemilihan tiga subjek utama, iaitu flora, fauna dan batuan negara. Pertandingan tersebut merupakan titik permulaan untuk menambahkan lagi koleksi foto kreatif berkaitan dengan subjek alam semula jadi, di samping turut memeriahkan lagi sambutan Hari Seniman 2011.



▲ Sesi bergambar YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf bersama pemenang.

Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dengan Staf Kumpulan A, B dan C

Oleh : Noraini binti Osman (Bahagian Pengurusan)

Perjumpaan Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia dengan staf JMM telah dilaksanakan secara berperingkat yang melibatkan semua kumpulan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional hingga Kumpulan Sokongan 1 dan Kumpulan Sokongan 2. Sesi perjumpaan ini diadakan bertujuan memberikan peluang kepada staf JMM daripada pelbagai gred dan jawatan untuk menyampaikan cadangan, masalah serta isu-isu secara bersemuka dengan pihak pengurusan tertinggi JMM.

Sesi Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dengan kakitangan kumpulan C (Gred 17-26) telah diadakan pada 5 April 2011. Perjumpaan yang diadakan di Bilik Persidangan melibatkan penyertaan seramai 74 orang staf. Sebelum itu staf yang terlibat telah dibawa melawat ke Muzium Tekstil Negara dan Muzium Polis Diraja Malaysia. Tujuan lawatan ini dijalankan bagi memberikan peluang kepada staf JMM yang bertugas sama ada di sekitar Kuala Lumpur dan juga di wilayah-wilayah yang lain untuk menimba ilmu dan memperoleh maklumat berkenaan dengan muzium-muzium yang bukan di bawah kelolaan JMM serta mengetahui aktiviti terkini yang dijalankan di muzium-muzium kelolaan JMM.

Sesi Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dengan seramai 65 orang staf Kumpulan B (Gred 27-40) pula diadakan pada 25 April 2011 bertempat di Auditorium JMM.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM menyampaikan amanat bella.

Pada sebelah paginya semua staf Kumpulan B telah menghadiri sesi ceramah bertajuk "Nilai-Nilai Proaktif dan Anjakan Pradigma" yang disampaikan oleh Tuan Haji Ruslan bin Mohamad dari Training and Motivation Sdn. Bhd. Para pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional pula telah menghadiri ceramah kepimpinan bertajuk "Kepimpinan Dinamik ke Arah Keutuhan Transformasi" yang disampaikan oleh Encik Muhammad bin Hj. Abu Bakar dari Puteh Consulting Sdn. Bhd. pada 22 April 2011. Kemudian diikuti sesi perjumpaan antara pegawai Gred 541 seramai 32 orang bersama Pengurusan Tertinggi pada sebelah petangnya bertempat di Bilik Persidangan.



▲ Kakitangan JMM sedang mendengar amanat yang disampaikan.



▲ Staf JMM tertarik dengan koleksi yang dipamerkan ketika lawatan mereka ke Muzium Alam Semula Jadi.

Program Bermalam di Muzium

Oleh : Farizawati binti Sabri (Muzium Alam Semula Jadi)

Sekali lagi, Muzium Alam Semula Jadi (MAS) berjaya melebarkan sayapnya dalam mempromosikan muzium itu selepas kejayaan Pameran 'Batuhan Pelik' dua bulan yang lalu. Program yang dinamakan Bermalam di Muzium Alam Semula Jadi ataupun Night at the Museum yang lulung-lulung kalinya diadakan di Muzium Alam Semula Jadi itu telah berjalan dengan jayanya selama dua hari bermula dari 9 hingga 10 April 2011.

Objektif program ialah menjadikan muzium sebagai sebuah institusi yang menjadi tumpuan pelawat dan kegunaan awam serta meletakkan muzium sebagai tempat yang strategik dan bermanfaat dalam komuniti. Muzium juga memainkan peranan yang penting untuk menarik pelbagai golongan masyarakat terutama sekali golongan muda yang menjadi tonggak dalam mengekalkan warisan alam semula jadi negara.



▲ Peserta mendaftar di kaunter pendataran sebelum memulakan aktiviti.

Program yang menyediakan pelbagai aktiviti ilmiah secara santai itu telah disertai seramai 59 orang peserta dalam lingkungan umur 10 hingga 14 tahun dari empat buah sekolah sekitar Putrajaya, iaitu SMK Putrajaya Presint 14, SMK Putrajaya Presint 16, SK Putrajaya Presint 14 dan SK Putrajaya Presint 16.

Antara aktiviti menarik yang disediakan ialah lawatan berpandu di muzium, teknik daun, tayangan video, penangkapan serangga, pengawetan serangga, senam aerobik dan tutorial serangga. Aktiviti tersebut dijalankan secara berkumpulan dan setiap kumpulan dinamakan dengan menggunakan nama serangga bersesuaian dengan tema ditetapkan. Sijil penghargaan kepada para peserta disampaikan sendiri oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail yang turut meluangkan masa meninjau aktiviti yang dilaksanakan.



▲ YBhg. Dato'Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM turut meluangkan masa dalam program yang dilaksanakan.



▲ Peserta sedang mengaplikasikan cara-cara mengumpul koleksi rama-rama.

Lawatan Kerja dari Rombongan Taman Warisan Melayu (Malay Heritage Centre), Singapura ke Muzium Negara dan Muzium Tekstil Negara

Oleh : Kiew Yeng Meng (Muzium Negara)

Seramai lima orang pegawai dalam bidang permuziuman dan warisan dari Singapura yang diketuai oleh Encik Alvin Tan, Pengarah Institusi Warisan selaku Pengarah Pembangunan Industri, Lembaga Warisan Nasional Singapura telah melawat ke Muzium Negara dan Muzium Tekstil Negara pada 9 April 2011. Rombongan turut disertai oleh Cik Norsaleen Salleh, Penolong Pengarah Institusi Warisan selaku Pengurus Taman Warisan Melayu, Encik Mohamad Jamal bin Mahamad, Pengurus Program, Cik Noorashikin Zulkifli, Ketua Kuratorial dan Program serta Cik Suhaili Osman, Penolong Kurator. Tujuan lawatan ini adalah untuk menjalankan hubungan dua hala antara Taman Warisan Melayu, Singapura dengan Jabatan Muzium Malaysia.

Rombongan ini tiba di Muzium Negara pada jam 9.30 pagi dan disambut oleh beberapa orang Pegawai Kanan JMM dan Kurator Muzium Negara. Satu sesi perbincangan telah dijalankan di bilik mesyuarat Cenderawasih, Muzium Negara yang dipengerusikan oleh Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM setelah selesai lawatan ke pameran tetap di galeri-galeri Muzium Negara.

Encik Azman bin Adam, Kurator Muzium Negara memberikan penerangan tentang Patung Avalokitesvara (artifak Warisan Kebangsaan) kepada Encik Alvin Tan dan Cik Norsaleen Salleh.

Dalam sesi perbincangan tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar-tukar buah fikiran dan idea serta merangka peluang dalam menjalankan kerjasama dua hala antara JMM dengan Lembaga Warisan Nasional Singapura melalui pameran, program pendidikan, penyelidikan, latihan dan kursus pada masa hadapan.

Rombongan ini kemudian meneruskan lawatan mereka ke Muzium Tekstil Negara. Mereka telah disambut oleh Puan Janet Tee Siew Mooi, Pengarah Muzium Tekstil Negara dan juga diberikan penerangan oleh kurator-kurator Muzium Tekstil Negara ketika mengadakan lawatan di galeri-galeri. Lawatan kerja rasmi rombongan ini diakhiri dengan jamuan makan tengah hari di Cafeteria Muzium Tekstil Negara.



Lawatan Yang Mulia Hoang Tuan Anh, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam ke Muzium Negara

Yang Mulia Hoang Tuan Anh, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan negara Vietnam bersama-sama dengan enam orang delegasi telah mengadakan lawatan ke Muzium Negara pada 10 April 2011. Delegasi lawatan tersebut tiba di Muzium Negara pada jam 10.00 pagi dan telah disambut oleh Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM serta Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara dan juga pegawai-pegawai yang lain. Lawatan mereka bermula dengan pengenalan sejarah latar belakang Muzium Negara oleh Encik Kamarul dan seterusnya dibawa melawat ke pameran tetap di galeri-galeri muzium. Lawatan ini tamat lebih kurang jam 12.00 tengah hari setelah rombongan ini menikmati jamuan ringan di bilik Kenamaan, JMM.



▲ Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM menyambut ketibaan Yang Mulia Hoang Tuan Anh, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam dan juga delegasinya di Muzium Negara.

Majlis Perasmian Pelancaran Ceramah Agama Peringkat Jabatan Muzium Malaysia

Oleh : Nor Hasni binti Che Hassan (Bahagian Penyelidikan)

JMM telah merancang mengadakan tujuh sesi ceramah berkaitan penyempurnaan dan penghayatan solat bagi sepanjang tahun 2011 untuk mengisi program-program berunsur keagamaan dan kerohanian di Jabatan. Majlis Perasmian Pelancaran Ceramah Agama tersebut telah diadakan pada 6 April 2011 di Bilik Persidangan JMM yang telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Zawawi bin Iham Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) JMM. Objektif utama siri ceramah agama tersebut diadakan ialah:

- Mengajak warga JMM yang beragama Islam mendekati solat mereka dengan lebih terperinci agar mampu menuai solat dengan lebih berilmu berbanding sebelumnya;
- Membawa warga JMM ke arah menghayati solat mereka dengan memuhasabah kefahaman bacaan dalam solat dan setiap pergerakan solat mereka, agar benar-benar terbaik dari sudut fizikal dan kerohanian ; dan
- Membawa warga JMM ke arah memahami apakah dosa-dosa besar yang menyebabkan solat mereka menjadi tidak khusyuk.

Siri ceramah yang pertama bertajuk "Pengenalan Solat : Syarat Sah dan Perkara Asas dalam Amalan Solat" telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Jamil Mohd Noor, Ketua Unit Kewangan JMM pada 6 April 2011. Seterusnya, siri ceramah yang kedua bertajuk "Tatacara dan Rukun Solat: Niat hingga Surah Al-Fatiha" pula telah diadakan pada 17 Jun 2011, juga disampaikan oleh Ustaz Abdul Jamil Mohd Noor. Diharapkan muslimin dan muslimah warga JMM akan memanfaatkan siri-siri ceramah ini bukan sekadar untuk tujuan barakah ilmu, malah lebih penting dapat membantu kesempurnaan rukun Islam kedua, iaitu solat lima waktu.



▲ Ustaz Abdul Jamil Mohd Noor, Ketua Unit Kewangan JMM sedang menyampaikan ceramah beliau.



▲ Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Hj. Ismail bin Hashim.



▲ Antara staf JMM yang hadir mengimarahkan majlis.

Forum Kurator JMM Siri 1/2011

Oleh : Azahar bin Mat Daud (Bahagian Penyelidikan)

Forum Kurator merupakan program pendidikan yang sinonim dan menjadi identiti Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Program ini merupakan salah satu aktiviti pengembangan pendidikan JMM sebagai wadah untuk kurator, ahli-ahli profesional muzium, aktivis muzium dan ahli akademik membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka untuk dimanfaati serta dikongsi bersama kakitangan muzium dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang permuziuman yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

Setelah menyejuti seketika, program Forum Kurator JMM Siri 1/2011 menemui khalayak semula pada 12 Mei 2011 menerusi tajuk "Amalan Adat Mempatih Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Temuan Negeri Sembilan" yang dibentangkan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Juli Edo, Pensyarah Pengajian Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya yang merupakan seorang ahli akademik berwibawa daripada suku kaum Semai. Beliau aktif memperjuangkan masa depan Orang Asli khususnya dalam aspek pendidikan. Forum tersebut turut menampilkan Saudara Batin Alam bin Suhud selaku salah seorang panel, manakala Encik Kamarul Baharin bin A. Kassim, Pengarah Muzium Negara telah bertindak sebagai moderator.



▲ YBhg. Prof. Madya Dr. Juli Edo, Pensyarah Pengajian Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya sedang membentangkan kertas kerja beliau.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM memberikan ucapan alu-aluan ketika Program Forum Kurator di Auditorium JMM.

Tajuk-tajuk yang dibentangkan merupakan penemuan daripada program penyelidikan Jabatan Muzium Malaysia bertajuk "Penyelidikan Sosio-budaya Masyarakat Orang Asli Temuan Negeri Sembilan" yang dipimpin oleh Profesor Madya Dr. Juli Edo di empat buah kampung masyarakat Orang Asli Temuan di Negeri Sembilan pada tahun 2010. Forum ini bertujuan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang Adat Mempatih (atau Adat Perpatih) masyarakat Temuan di Negeri Sembilan termasuklah aspek-aspek sejarah sosial, kandungan serta amalan Adat Mempatih serta rintangan-rintangan dalam mengamalkan adat ini.

Program yang telah diadakan di Auditorium JMM itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bagi merasmikan Forum Kurator JMM Siri 1/2011. Kemudian diikuti tayangan video Adat Perkahwinan Suku Kaum Temuan Negeri Sembilan sebelum pembentangan oleh Prof Madya Dr. Juli Edo serta Batin Alam dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Program tersebut telah dihadiri oleh seramai 199 orang peserta termasuk YBhg. Dato' Yahya Hj Awang, bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Encik Bakar bin Unus, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan dan Melaka.

Forum Kurator JMM Siri 2/2011

Oleh : Azahar bin Mat Daud (Bahagian Penyelidikan)

Seiring dengan ledakan era teknologi maklumat dan komunikasi yang amat dinamik sifatnya, muzium-muzium di negara ini perlu memanfaatkan semaksimumnya instrumen komunikasi secara timbal balik (dialog) yang lebih pantas meluas dan berkesan sebagai alat pemasaran dan dalam menyalurkan maklumat serta ilmu pengetahuan kepada masyarakat melalui media sosial. Media sosial yang merujuk kepada media untuk interaksi sosial melalui teknik komunikasi yang bersifat highly accessible and scalable menggunakan teknologi Internet dan web-base seperti Internet forums, Wikis, Podcast, Facebook, Twitter, Youtube, Flickr, Blogspot dan sebagainya telah digunakan secara meluas dan konsisten di banyak muzium-muzium di luar negara.

Menyedari hakikat ini, JMM telah menjemput Prof Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah, pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya yang juga seorang personaliti tanah air yang tidak asing lagi dalam bidang komunikasi untuk menjadi pembentang dalam program Forum Kurator JMM Siri 2/2011 pada 23 Jun 2011. Prof Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Muzium dan Media Sosial: Mengadiluhung Pemasaran Muzium Sebagai Industri Kreatif". Program tersebut dipengerusikan oleh Puan Mahani binti Muhammad, Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat JMM dan dihadiri seramai 194 orang peserta termasuk pelajar-pelajar sekolah.



▲ Salah seorang peserta forum bertanyakan soalan dan memberikan pandangan.

Berdasarkan pengalaman dan perhatian beliau terhadap muzium-muzium di Eropah khususnya di Vienna, Austria, Prof Madya Dr. Abu Hassan menyarankan agar muzium-muzium di Malaysia memperluas dan mengukuhkan penggunaan media sosial sebagai platform mempromosikan program yang diadakan di muzium. Internet sebagai "kepercayaan baru" harus dimanfaatkan sebaiknya khususnya dengan kemunculan Gelombang Ketiga (Wave 3) yang berteraskan media baharu dan menguasai ruang informasi dunia masa kini dan masa depan. Beliau turut menghuraikan cabang-cabang media sosial sebagai fenomena global yang sedang melanda ke seluruh dunia tanpa mengira faktor sosio budaya, ekonomi dan tempat. Ia berkemampuan besar memberikan impak terhadap reputasi sesuatu jenama, produk atau perkhidmatan termasuklah muzium.



▲ Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah, pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya sedang membentangkan kertas kerja beliau.



▲ Pelajar sekolah turut dijemput untuk sama-sama berkongsi ilmu dalam program yang diadakan.

PROGRAM JOM SANTAI BERSAMA MEDIA DI WP LABUAN

Oleh : Arzmi bin Dulang (JMM Wilayah Labuan)

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan Program Jom Santai Bersama Media di Muzium Marin Labuan, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dari 2 hingga 4 April 2011. Program interaktif tersebut merupakan destinasi ketiga selepas Muzium Perak dan Galeria Perdana, Langkawi dengan penglibatan pengamal media, pengusaha perhotelan, agensi pelancongan, NGO, agensi kerajaan dan ketua kampung untuk mempromosi muzium-muzium, di samping mengetengahkan produk-produk pelancongan yang ada untuk dikomersialkan. Program Jom Santai Bersama Media di WP Labuan telah menerima penyertaan daripada 23 media termasuk dari negara Brunei Darussalam untuk membuat liputan secara menyeluruh program berkenaan.



▲ Taklimat ringkas mengenai pameran di Muzium Marin disampaikan oleh Pengarah JMM Wilayah Labuan, Cik Siti Rabia.

Program Jom Santai Bersama Media telah disempurnakan perasmianya oleh Y.Bhg. Datuk Abd Ghaffar bin Thambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Y.Bhg. Datuk TKSU (Kebudayaan) dalam ucapannya menyambut baik inisiatif JMM dalam menganjurkan Program Jom Santai Bersama Media sekali gus mempertingkatkan usaha promosi muzium secara menyeluruh dengan penglibatan agensi-agensi berkaitan pelancongan dan media, di samping keupayaan melonjakkan jumlah kedatangan pengunjung ke muzium. Selepas pelancaran, Y.Bhg. Datuk TKSU (Kebudayaan) dibawa melawat Muzium Marin serta secara rasmi pameran, demonstrasi dan jualan produk-produk hasilan tempatan.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan pelbagai acara dan aktiviti menarik sepanjang program berlangsung seperti pameran, demonstrasi dan jualan kuih tradisional, hasil kraf tangan serta produk tempatan, permainan tradisional, demonstrasi konservasi artifak, jualan artifak koleksi peribadi, pertandingan melukis, mewarna dan kuiz murid-murid. Di samping itu, diadakan juga majlis BBQ dan persembahan karaoke melibatkan pihak media di Muzium Chimney.

Pada akhir program telah diadakan Majlis Perjumpaan Media bersama Ketua Pengarah JMM dan penyampaian cenderahati kepada para wartawan pada 4 April 2011. Ketua Pengarah JMM telah menyuarakan harapan agar wartawan dan pengamal media memainkan peranan penting dalam mempromosi muzium-muzium di negara ini.



▲ Aktiviti demonstrasi konservasi artifak diminati oleh pelajar sekolah.



▲ YBhg. Dato' KP sedang berucap dalam majlis penutupan program Jom Santai Bersama Media.

Fakta:

Skeleton ikan paus Bryde sepanjang 39 kaki yang mati terthaggar kapal kapal dan terdampar di Tanjung Aru, Labuan pada 2 Februari 2001 merupakan masterpiece Muzium Alam Semula Jadi.

MAJLIS JASAMU DIKENANG, PENGHARGAAN 25 TAHUN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010

Oleh : Nor Hasni binti Che Hassan (Bahagian Penyelidikan)

Pada 30 Mei 2011, Majlis Jasamu Dikenang, Penghargaan Perkhidmatan 25 tahun dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 telah diadakan bertempat di Auditorium JMM untuk meraikan dan mengenang kembali jasa pegawai dan staf JMM yang telah dan akan bersara, berkhidmat 25 tahun dalam pentadbiran awam serta mereka yang telah melaksanakan kerja dengan cemerlang pada tahun 2010. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Dalam ucapannya, beliau telah mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang telah berjaya memberi sumbangan dan khidmat bakti yang tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Seterusnya, majlis diserikan dengan Montaj 'Kenangan Mengusik Jiwa' dan persembahan koir JMM. Penyampaian Sijil kepada Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 seramai 37 orang staf, sijil dan cenderamata kepada Penerima Penghargaan Perkhidmatan 25 Tahun dan sijil dan cenderamata kepada Pesara 2010 dan 2011 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengah hari di Dataran Muzium Negara.



▲ YBhg. Dato' KP sedang berucap dalam Majlis Jasamu Dikenang, Penghargaan Perkhidmatan 25 tahun dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 yang telah diadakan di Auditorium JMM.



▲ YBhg. Dato' KP menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang kakitangan yang telah berkhidmat selama 25 tahun.



▲ Yang Berusaha Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) mengucapkan terima kasih kepada pesara 2010 dan 2011.



▲ Warga JMM yang hadir dalam Majlis Jasamu Dikenang, Penghargaan Perkhidmatan 25 tahun dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010.

Berita Bergambar



▲ YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia merasmikan Pameran Foto Alam di Muzium Alam Semula Jadi pada 14 Jun 2011.



▲ YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar b. Tambi sedang mendengar penerangan tentang Sejarah Muzium Chimney semasa Program Jom Santal @ Wilayah persekutuan Labuan pada 2 April 2011.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM turut serta dalam acara menembak ketika Hari Muzium Antarabangsa 2010 di Negeri Sembilan pada 19 Mei 2011.



▲ Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM menyerahkan cenderahati kepada pembentang kertas kerja Program Forum Kurator, iaitu Prof. Madya Dr. Abu Hassan bin Hasbullah di Auditorium JMM pada 23 Jun 2011.



▲ Persembahan kebudayaan yang dilakukan setiap hujung minggu sempena Karnival Orang Asli pada 20 Mei 2011 bertempat di Dataran Muzium Negara.



▲ Sesi bergambar semua peserta Persidangan CAM Triennial Conference 2011 di Singapura.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bergambar kenangan bersama penerima-penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2010 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM menyampaikan amaran beliau ketika Majlis Perjumpaan Pengurusan Tertinggi dengan Staf Kumpulan Sokongan 2 pada 5 April 2011 di Bilik Persidangan JMM.



▲ Kehilangan gerai pameran JMM yang penuh sesak dengan kunjungan orang ramai untuk menyertai pelbagai aktiviti interaktif di Program Pameran JMM Smart Kids 2011 yang diadakan pada 15 – 17 April 2011 bertempat di Pusat Dagangan Dunia.



▲ Sesi tandatangan buku pelawat oleh Yang Mulia Hoang Tuan Anh, Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Vietnam ketika lawatan kerja beliau ke Muzium Negara pada 10 April 2011.



▲ Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM dan pegawai-pegawai kanan bergambar kenangan bersama-sama pihak Lembaga Warisan Nasional Singapura pada 9 April 2011.



▲ Barisan panel pembentang Seminar Orang Asli yang diadakan sempena Karnival Orang Asli bertempat di Auditorium JMM pada 28 Jun 2011.

Taklimat Pengurusan Tatatertib oleh KPKK

Oleh : Nor Hafizzah binti Abdul Rahman (Bahagian Penyelidikan)

Bagi tujuan memantapkan aspek pengurusan sumber manusia jabatan, satu Taklimat Pengurusan Tatatertib telah diadakan pada 26 Mei 2011 bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Taklimat tersebut telah disampaikan ialah Encik Ahmad Nazari bin Mohd Hanapiyah, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Program taklimat telah dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan). Objektif taklimat ialah:

- Memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada staf tentang jenis-jenis pelanggaran tatatertib yang boleh diambil tindakan tatatertib dibawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- Mempertingkatkan kemahiran dalam mengatur urus hal ehwal tatatertib di peringkat Jabatan/Kementerian dengan cara yang betul dan adil serta selaras dengan keperluan Pihak Berkuasa Tatatertib.
- Mempelajari bagaimana mengendalikan pegawai/kokitangan yang bermasalah sebelum melaksanakan tindakan tatatertib.

Taklimat tersebut telah dihadiri seramai 200 orang staf yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan jabatan serta pegawai yang bertanggungjawab menyelia staf di bahagian masing-masing.



▲ Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) JMM.



▲ Encik Ahmad Nazari bin Mohd Hanapiyah, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.



▲ Encik Ahmad Nazari bin Mohd Hanapiyah sedang memberikan taklimat kepada staf JMM yang hadir.



▲ Pegawai-pegawai dan staf JMM yang hadir ke majlis taklimat.

Perhimpunan JMM

Oleh : Hairunnisyam binti Md. Jamil (Bahagian Pengurusan)

Perhimpunan JMM telah diadakan pada 10 Mei 2011 di Auditorium JMM dengan kehadiran seramai 190 orang pegawai dan kakitangan. Perhimpunan JMM dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Perkhidmatan Awam dirangi oleh Kumpulan Koir JMM, kemudian dilanjut bacaan ikrar Perkhidmatan Awam dan bacaan doa. Seterusnya, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail telah menyampaikan ucapan dan amanat beliau. Antara intipati ucapan YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, ialah berkaitan dengan sambutan Hari Muzium Antarabangsa peringkat kebangsaan dari 18 hingga 24 Mei 2011 di Seremban, Negeri Sembilan. Di samping menggariskan program-program yang akan dilangsungkan, Ketua Pengarah menyatakan penghargaan kepada pegawai dan staf yang terlibat dalam merancang dan menguruskan perjalanan aktiviti untuk kelayaan program tersebut. Selain itu, beliau juga memberikan penekanan terhadap budaya menambahkan ilmu. Seiring dengan kelajuan Unit Perpustakaan membuat perolehan buku-buku baharu terbitan dalam dan luar negara, YBhg. Dato' Ibrahim berharap perolehan tersebut haruslah dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga JMM dengan menjadikan membaca sebagai budaya setiap masa.



▲ Staf yang hadir mendaftar di meja pendaftaran.

Ketua Pengarah JMM juga berjanji akan memberikan peluang kepada warga JMM melalui program-program yang dirancang agar mereka dapat melawat muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM dan secara tidak langsung meningkatkan kefahaman tentang peranan, sejarah dan aktiviti muzium-muzium yang sedia ada.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM menyampaikan amanat dalam Perhimpunan JMM.

Ketua Pengarah juga turut mengalu-alukan warga JMM untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi peningkatan dan kemajuan kerjaya masing-masing, selain dapat menjadikan diri individu sebagai orang yang berilmu.

Selain itu, Ketua Pengarah mengambil kesempatan mengucapkan tahniah atas kelajuan Bahagian Komunikasi Korporat mempromosikan aktiviti-aktiviti yang berlangsung di JMM dan muzium-muzium di bawah JMM. Usaha mempromosi dan melaksanakan aktiviti muzium boleh dilakukan secara perkongsian pintar, antaranya bekerjasama dengan badan korporat atau badan kerajaan yang dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak.



▲ Bacaan ikrar yang dikeluarkan oleh Encik Mohammad Joharuddin bin Bharom dari BKK.

Festival Orang Asli : Kepercayaan dan Tradisi

Oleh : Mohd Shawali bin Haji Badi (Bahagian Penyelidikan)

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menganjurkan Festival Orang Asli di Kompleks Jabatan Muzium Malaysia yang diadakan mulai 20 Mei 2011 hingga 21 Jun 2011. Program tersebut diadakan sebagai satu inisiatif kedua-dua jabatan untuk mengetengahkan keunikan tradisi serta kepercayaan Orang Asli kepada masyarakat umum. Di samping itu, program ini memberi peluang kepada para pelawat untuk mendekati masyarakat Orang Asli dan menghayati aspek-aspek kehidupan masyarakat ini ketika mereka sedang mengalami dinamisme selari dengan wawasan dan aspirasi negara menuju sebuah negara yang maju dan moden. Di sebalik penerimaan arus pemodenan, Orang Asli bagaimanapun masih tetap teguh memelihara warisan dan terus kental mempertahankan tradisi nenek moyang mereka.

Dengan memaparkan konsep belantara dalam sosiobudaya Orang Asli, pameran ini diisi dengan teks, gambar, bahan audio visual, diorama serta artifak mengenai kepercayaan mistik serta hubungan Orang Asli dengan alam semesta yang mengandungi unsur ghaib atau spiritual. Sebanyak 102 artifak telah dipamerkan, antaranya ialah Minyak Cenuai atau Minyak Pengasih yang dihasilkan oleh Orang Asli, di samping ukiran kayu serta topeng yang menjadi identiti unik masyarakat ini termasuklah ukiran yang pernah memenangi anugerah Seal of Excellence for Handicraft Products in South East Asia daripada UNESCO pada tahun 2005.

Selain pameran, karnival ini turut dimeriahkan dengan aktiviti menarik seperti gerai jualan pelbagai hasil keluaran Orang Asli, demonstrasi anyaman, mengukir dan membuat alat perburuan tradisional, persembahan tarian sewang dan tarian Jooh (topeng), pertandingan menyumpit serta seminar dan forum dengan kerjasama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Kajian Peribumi Malaysia, Universiti Malaya.

Satu sidang media mengenai festival ini telah diadakan oleh Ketua Pengarah JMM pada 21 April 2011 di ruang galeri pameran yang dihadiri oleh pihak media dan wartawan daripada pelbagai agensi.



▲ Sebahagian daripada sudut Pameran Orang Asli : Kepercayaan dan Tradisi

Program utama festival ialah Pameran Orang Asli : Kepercayaan dan Tradisi yang mempamerkan aspek kepercayaan dan tradisi Orang Asli serta hal-hal yang berkaitan dengan roh dan semangat sebagai asas kepercayaan untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai aspek tersebut yang masih diamalkan sehingga kini. Pameran ini juga bertujuan mendidik masyarakat dalam memahami kosmologi, nilai dan norma hidup Orang Asli supaya melahirkan masyarakat Malaysia yang saling menghormati dan memahami budaya masyarakat lain.



▲ Sesi sidang media oleh Ketua Pengarah JMM di dalam galeri pameran.

Seminar Orang Asli : Kesepaduan Sosial dan 1Malaysia

Oleh : Mohd Shawali bin Haji Badi (Bahagian Penyelidikan)

Bersempena dengan penganjuran Karnival Orang Asli, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Institusi Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Orang Asli (JAKOA) dan Astro Awani telah menganjurkan Seminar Orang Asli: Kesepaduan Sosial dan 1Malaysia di Auditorium JMM pada 28 Jun 2011. Seminar tersebut menghimpunkan ahli akademik, profesional, pentadbir dan usahawan bertujuan mengumpul dan mencerna buah fikiran bagi mencetuskan cadangan serta pandangan bermanfaat bagi mempertabat dan membawa masyarakat Orang Asli ke arus perdana dan menjayakan gagasan 1Malaysia melalui wacana ilmu yang mencakupi bidang ekonomi, sosial dan politik.

Program seminar sehari tersebut telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Kemudian diikuti dengan Ucap tama oleh Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin, Pengarah Institusi Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Sesi pertama dimulakan dengan tajuk "Orang Asli Dalam Arus Perdana". Encik Sulaiman Sulaiman dari Astro Awani bertindak selaku moderator dengan ahli panelnya terdiri daripada YB Senator Ollian bin Abdullah, Encik Tony Willian Hunt (Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia) dan Dato' Suki Mee (Yayasan Orang Asli Perak). Sesi ini telah dirakam untuk siaran dalam program Astro Awani.



► Barisan panel yang diundang membentangkan kertas kerja sempena Seminar Orang Asli.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia sedang memberikan ucapan serta merasmikan Seminar Orang Asli.

Sesi kedua seminar yang bertajuk "Mobiliti Sosial Orang Asli" telah dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr. Sharifah Zaleha binti Syed Hassan dengan ahli panel terdiri daripada Prof. Madya Dr. Juli Edo (UM), Encik Nasra Nisran bin Asra (JAKOA) dan Encik Wan Amir Zal (UnisZA). Ia diikuti dengan sesi ketiga bertajuk "Diskusi Panel: Orang Asli dan Masa Depan" dengan Prof. Dr Ong Puay Liew (KITA) bertindak selaku moderator. Ahli-ahli panel terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ramle Abdullah (UnisZA), Prof. Madya Hasan Mat Nor (UKM) dan Prof. Madya Dr. Fariza Md Sham (UKM). YBhg. Dato' Yahya Awang (UM) seterusnya menjadi moderator untuk sesi terakhir seminar dengan tajuk "Bicara Tokoh Usahawan Orang Asli". Sesi ini khusus untuk berkongsi pengalaman kejayaan dalam bidang keusahawanan bersama-sama tiga orang tokoh usahawan Orang Asli, iaitu Encik Bah Desa, Encik Zulkifli Sulaiman dan Puan Intan Teh.

Sebagai salah satu aktiviti Karnival Orang Asli, Seminar Orang Asli : Kesepaduan Sosial dan 1Malaysia telah berjaya mencapai objektif penganjurannya, iaitu membincang, menerokai dan mengupas penglibatan, kejayaan dan masa depan Orang Asli menongkah arus modenisasi untuk turut serta dalam ruang arus perdana (ekonomi, pendidikan, sosial dan politik). Kehadiran seramai 265 orang peserta dan jumlah soalan dikemukakan semasa sesi soal jawab jelas menunjukkan maklum balas yang positif kepada penganjuran program ini.

Program Pameran JMM di Smart Kids 2011

Oleh : Badrolhisham bin Abd Rahman (Muzium Negara)

Selaras dengan misi dan visi JMM yang berperanan menjadikan institusi muzium sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran tidak formal dalam kalangan masyarakat umum, JMM telah menyertai Pesta Smart Kids 2011, iaitu Pesta Pendidikan Kanak-kanak yang terbesar di Malaysia. Program ini telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 15 hingga 17 April 2011 dari jam 10.30 pagi hingga 8.00 malam bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Pesta Smart Kids telah diperkenalkan sejak tahun 2001 dan pada tahun ini merupakan ulang tahun ke-10 dengan temanya Meraikan Dunia (*Celebrating the World*). Pesta Smart Kids ini dianjurkan oleh Syarikat Expomal International Sdn. Bhd. dengan kerjasama Mutiara Sigma (M) Sdn. Bhd. serta Kementerian Pelajaran. Pesta ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri Perdana Menteri Malaysia.

Bagi membudayakan masyarakat melawat ke muzium, JMM telah membuka gerai pameran yang menggabungkan kepelbagaian aktiviti pendidikan interaktif yang melibatkan Muzium Negara, Muzium Alam Semula Jadi dan Bahagian Konservasi. Pengisian program berkonsepkan santai, libur, mesra dan ilmu yang digarap dengan keunikan spesies unggas, tulz, teka-teki, puzzle, cap seni daun serta sesi bergambar dengan burung. Muzium Negara membawa konsep sejarah, budaya dan warisan yang menjadi teras kepada pembentukan negara bangsa. Manakala Muzium Alam Semula Jadi menonjolkan keistimewaan dan keunikan khasanah flora dan fauna negara ini. Bahagian Konservasi pula memperkenalkan teknik ikat dan celup serta kaedah pemuliharaan artifik terutamanya seramik dan cantuman blok seni kayu. Unit Perpustakaan turut mengadakan jualan buku dan VCD terbitan JMM.

Sepanjang tempoh pameran berlangsung, lebih lima ribu pengunjung telah melawat ke gerai-gerai pameran JMM. Pelbagai peringkat usia sama ada kanak-kanak, remaja dan orang dewasa telah berpusu-pusu mengunjungi gerai pameran untuk menyertai pelbagai aktiviti yang disajikan. Berdasarkan sambutan begitu hangat yang diterima adalah diharap agar JMM dapat menyertai aktiviti tahunan ini pada masa akan datang.



▲ Sesi bergambar dengan burung di gerai pameran JMM amat menarik perhatian orang ramai.



▲ Pengunjung amat tertarik dengan teknik ikat dan celup yang menghasilkan motif berwarna-warni di atas kertas tisu.



▲ Keadaan gerai pameran JMM yang penuh sesak dengan kunjungan orang ramai untuk menyertai pelbagai aktiviti interaktif.

Bengkel Latihan Pengenalan Pengajian Lukisan Batu Prasejarah di Asia Tenggara,Bangkok,Thailand.

Oleh : Rohana binti Husin (Muzium Negara)

Pada bulan Mei yang lalu, pihak SEAMEO Regional Centre for Archaeology and Fine Arts (SEAMEO-SPAFA) di Bangkok telah mengendalikan program bengkel dan latihan seni lukisan batu yang terdapat di Thailand. Bengkel siri pertama ini telah berlangsung selama 12 hari, iaitu dari 2 hingga 13 Mei 2011. Sebanyak 22 orang delegasi dari sembilan buah negara-negara Asia Tenggara, iaitu Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Vietnam telah turut serta menyertai bengkel tersebut. Para peserta terdiri daripada pelbagai bidang termasuk arkeologi, permuziuman, pendidikan, seni bina landskap dan antropologi. Penceramah jemputan juga terdiri daripada pakar bidang arkeologi dari Griffith University (Australia), Universiti Sains Malaysia, Silpakorn Universiti dan Jabatan Seni Halus (Thailand).


Bengkel ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama sesi ceramah tentang teori dan pengetahuan asas lukisan batu. Setiap peserta dikehendaki menyediakan laporan dan membentangkan hasil penyelidikan lukisan batu yang terdapat di negara masing-masing. Manakala bahagian kedua pula ialah lawatan ke lapangan, iaitu di Taman Negara, Pha Team di daerah Ubon Ratchathani dan Taman Sejarah, Phu Phrabat di daerah Udon Thani bahagian Utara Thailand. Bahagian ini memberikan tumpuan secara langsung penglibatan peserta untuk membuat analisis arkeologi dan interpretasi terhadap lukisan batu yang terdapat di kedua-dua tempat tersebut. Perbincangan secara berkumpulan juga telah dilakukan mengikut tajuk yang telah diberikan oleh pihak urus setia. Peserta turut diberikan bimbingan dan berkongsi pengetahuan mereka mengenai pengurusan dan pemuliharaan tapak-tapak sejarah.



▲ Peserta bergambar kenangan di Taman Sejarah di Phu Phrabat, Udon Thani, Thailand.



▲ Antara aktiviti - peserta dikehendaki melukis semula lukisan batu prasejarah yang terdapat di Thailand.



▲ Prof. Madya Dr. Stephen Chia, dari USM sedang memberikan ceramahnya berkenaan kaedah analisis lukisan batu secara saintifik kepada peserta kursus.

Triennial Conference of “Commonwealth Museums: Culture, Economy and Climate Change and Youth”, Singapore

Oleh : Norzawani binti Shahrin (Bahagian Penyelidikan)

How is this complex combination of apparently diverse subjects had to do with the museum institutions? Interestingly, it was the theme addressed on the 25th until 27th of May 2011, at the Commonwealth Museums Triennial Conference that brings together over 100 participants to engage in the three days series of paperwork presentations and discussions which focused on the significance of culture, economy and climate change and youth in museum's perspective. The conference that took place at the Asian Civilization Museum, Singapore was organized by the Commonwealth Association of Museums (CAM), and hosted by the Singapore National Heritage Board (NHB). CAM is a professional association and non-profit International NGO served towards the development of museums of the Commonwealth countries globally.



▲ Keynote Address by Dr. Davidson Hepburn, President of the UNESCO General Assembly, Chairman of the Corporation Museum, Antiquities and Monuments Bahamas.

Accordingly, the Department of Museums Malaysia (JMM) sent out some of its curators for the participation in order to gain insight on how museum should serve at the community level, domestically and internationally, given that it creates a platform for sharing ideas, opinions, experiences and knowledge among the participants and between the Commonwealth museums, especially with global issues of culture and heritage management. Through this, the comparison could be made to identify the strategies, approaches and methods implemented by the Commonwealth countries, particularly in maintaining and protecting the treasures of cultural heritage through the role of each museum, including the form of problems faced and methods to overcome them. Moreover, the conference enabled the extension and reinforcement of international network between the Malaysia's museum professionals and other museum professionals, activists and administrators around the globe.

Generally, 23 topics of paperwork were presented at the conference which was divided into three theme-based sessions. The first session by the theme of museums, culture and sustainable development highlighted the role of museums in promoting culture and the potential of intangible heritages as means of social and economic development in spite of the issues and challenges of globalization, migration and urbanization which swept across the world particularly in South-East Asian and South Pacific nations. Session two on the second day of conference particularly focused on role of museums and common action plan for museums in conserving cultures in the face of climate change. As a matter of concern, the Museums need to use the links between culture and development to play a role in addressing both general issues of climate change and its specific impact on cultural continuity. Lastly, the conclude session on the third day centred upon theme of connecting museums with children and youth. In conjunction of yearly Children's Season for museums in Singapore on the month of May, the special discussion on the role of museums in assuring the survival of cultural memory and conveying a hopeful vision of a future for young people in our communities was articulated.

CAM's annual general meeting was conducted at the end of the conference together with the resolution that signalled the unity among the members in relation to the matters raised. At the same time, it has opened the minds of the participants to view the scope and role of museums in a broader perspective, particularly in addressing or highlighting the socio-economic issues, education, youth participation and global issues. JMM should consistently participate in this meaningful program and carry the active role especially in paperwork presentation which focused on the experience and nation's achievements in museum field and heritages including lobbying as CAM's committee member.



▲ The participants concentrated on the paperwork presentation.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Melawat Bangunan Muzium Permainan Tradisional Rakyat yang Terbakar

Oleh : Mohd Shawali bin Haji Badi (Bahagian Penyelidikan)

Pada 17 Jun 2011, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan lawatan ke tapak kebakaran bangunan Muzium Permainan Tradisional Rakyat, Bukit Malawati di Kuala Selangor. Lawatan berkenaan yang menggambarkan sokongan moral dan simbol keperihatinan bellau kepada muzium-muzium negeri turut disertai beberapa orang pegawai Jabatan Muzium Malaysia. Muzium Permainan Tradisional telah terbakar pada 15 Jun 2011 yang dipercayai berpunca akibat litar pintas pada papan suis utama. Kebakaran tersebut telah mengakibatkan kerosakan sebahagian besar bumbung dan galeri pameran, namun kepentasan kakitangan muzium berjaya menyelamatkan koleksi pameran.



▲ Ketua Pengarah JMM dan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT mendengar taklimat yang disampaikan oleh Penolong Penguasa Bomba, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor.



▲ Penguasa Bomba, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor memberikan taklimat kepada Ketua Pengarah JMM, Ketua Pegawai Eksekutif PADAT dan pegawai-pejawai kedua-dua agensi tentang punca dan kesan kebakaran bangunan muzium.

Lawatan Ketua Pengarah JMM telah disambut oleh Puan Azlinda binti Azman, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) serta pegawai-pegawai bellau. Taklimat kejadian telah disampaikan oleh Tuan Mohd. Sabri bin Shamsudeen, Penolong Penguasa Bomba, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor. Tuan Mohd. Sabri turut menjelaskan pelbagai aspek dan isu keselamatan yang perlu diberikan perhatian khususnya bagi bangunan muzium dan galeri. Sejurus selepas lawatan berkenaan, Ketua Pengarah JMM turut meluangkan masa melawat Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor di samping lawatan ke tapak kerja-kerja arkeologi yang dilaksanakan oleh kakitangan PADAT.

Sebagaimana reaksi segera dan tindakan pencegahan susulan daripada lawatan berkenaan, Ketua Pengarah JMM telah mengarahkan Unit Keselamatan JMM untuk membuat pemantauan segera terhadap aspek keselamatan semua muzium di bawah JMM bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.



▲ Ketua Pengarah JMM melawat Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor dengan dirungi oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT.

Bengkel Asas Herbarium dan Bengkel Konservasi Preventif : Sokongan dan Simpanan Artifak

Oleh : Nor Hasni binti Che Hassan (Bahagian Penyelidikan)

Pada 25 hingga 29 April 2011, Bengkel Asas Herbarium telah diadakan di Bilik Persidangan JMM. Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Sokongan 1 dari JMM telah menyertai bengkel tersebut. Peserta didedahkan kepada kepentingan dan jenis-jenis herbarium. Dalam botani, herbarium merupakan koleksi tumbuhan atau bahagian tumbuhan yang diawetkan; biasanya dikeringkan. Spesimen ini digunakan sebagai bahan rujukan untuk mentakrifkan takson tumbuhan; ia mempunyai holotip untuk tumbuhan tersebut.

Seterusnya, dari 3 hingga 5 Mei 2011, Bengkel Konservasi Preventif : Sokongan dan Simpanan Artifak telah diadakan bertempat di Bilik Persidangan JMM. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada kurator, penolong kurator dan pembantu muzium telah menghadiri bengkel selama tiga hari ini. Konservasi Preventif didefinisikan sebagai tindakan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semula jadi objek akibat keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya dan juga perosak seperti serangga, kulat dan pencemaran udara. Dengan mengikuti bengkel ini, peserta dapat mempelajari teknik-teknik melakukan konservasi preventif yang berkesan.



▲ Tenaga pengajar sedang memberikan penerangan.



▲ Peserta memotong bahan asas dalam menghasilkan sokongan artifak.



▲ Salah seorang peserta sedang tekun mengaplikasi teknik yang telah dipelajari daripada bengkel yang disertainya.



▲ Semua peserta sedang mendengar penerangan daripada tenaga pengajar.

Sukarelawan Muzium

Oleh : Jamil bin Haron (Unit Sukarelawan Muzium dan Pengacaraan)

Sukarelawan Muzium dapat didefinisikan sebagai ahli-ahli yang berkhidmat secara sukarela tanpa mendapat sebarang ganjaran dalam bentuk wang tunai. Mereka menjalankan aktiviti permuziuman secara percuma seperti mengendalikan lawatan berpandu kepada para pengunjung dengan memberikan penerangan mengenai pameran tetap dan sementara secara terperinci di muzium. Konsep pelaksanaannya adalah sebagaimana yang diamalkan di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, England, Australia, Perancis, Jepun dan Singapura.

Sejarah

Pasukan Sukarelawan Muzium Negara telah bermula pada 19 April 2007. Ia ditubuhkan secara rasmi di Muzium Negara dan menjalankan khidmatnya di Muzium Negara. Kumpulan pertama terdiri daripada 20 orang sukarelawan warga tempatan dan warganegara asing. Jumlah keahlian Sukarelawan Muzium sehingga bulan Januari 2011 telah mencatat seramai 136 orang. Dari segi komposisinya, keahlian dari Malaysia adalah seramai 68 orang, dari Jepun seramai 26 orang, Britain (9 orang), Perancis (8 orang) dan negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Swiss, Belanda, Uruguay, Taiwan dan New Zealand mempunyai keahlian seramai 25 orang.

Keanggotaan baharu yang bakal menamatkan latihan pada 5 Mac 2011 ialah seramai 45 orang, iaitu 10 orang warganegara Jepun, 10 orang warganegara Malaysia (3 Melayu, 4 Cina, 3 India)



▲ Sukarelawan Muzium sedang memberi taklimat kepada pelawat-pelawat Muzium Negara.

serta 25 pelbagai warganegara (Britain, AS, Singapura, Perancis).

Pada bulan Ogos 2011, pendaftaran ahli baharu akan dibuka dan latihan akan bermula pada bulan September 2011. Serentak dengan itu juga pada 3 September 2010, program Sukarelawan Muzium ini telah diperluaskan ke Muzium Tekstil Negara dengan jumlah anggota baharu seramai 15 orang.

Tugas

Pasukan sukarelawan ini telah memainkan peranan yang penting dan aktif dalam menjalani beberapa aktiviti permuziuman sejak ditubuhkan. Antara aktiviti yang mereka jalankan ialah mengadakan lawatan berpandu secara tetap dan pada masa akan datang mereka merancang mengadakan lawatan berpandu dalam bahasa India, Arab dan beberapa bahasa utama bergantung pada statistik kehadiran pengunjung yang mengunjungi Muzium Negara.

Selain itu, mereka juga mengadakan kelas latihan dan ceramah permuziuman. Sehingga kini lebih 50 kertas kerja telah dibentangkan kepada ahli sukarelawan. Mereka juga membantu dalam pelaksanaan pameran dengan memberikan pelbagai maklumat, di samping bertugas bersama-sama staf Muzium Negara.

Antara tugas lain yang dijalankan ialah mengadakan pelbagai aktiviti seperti program 'out-reach' bersama-sama pelajar sekolah, mahasiswa, kakitangan swasta dan sebagainya. Selain itu, mereka melakukan lawatan sambil belajar ke tapak-tapak bersejarah di Malaysia dan memberikan khidmat nasihat dalam aspek penterjemahan.

Kepentingan Pasukan Sukarelawan Muzium kepada JMM

Pasukan Sukarelawan telah menjadi satu kumpulan yang penting bagi mempertingkatkan imej Muzium Negara dan menyemarakkan dunia permuziuman, bukan sahaja kepada pengunjung, malah aktiviti yang dijalankan oleh Pasukan Sukarelawan ini dapat menanam minat terutamanya pada generasi muda. Berdasarkan situasi semasa, Pasukan Sukarelawan ini akan dipertingkatkan hubungannya ke semua muzium di Malaysia.

Info menarik:

Lawatan berpandu dalam bahasa Inggeris dikendalikan oleh Sukarelawan Muzium setiap hari (kecuali Ahad) jam 10.00 pagi, bahasa Perancis pada hari Selasa dan Khamis jam 10.00 pagi, bahasa Jepun pada hari Khamis jam 10.00 pagi dan pada minggu ketiga setiap hari Sabtu jam 10.00 pagi.

Berita Staf

Kelolaan : Unit Sumber Manusia JMM

PERATURAN 15(1) PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM 1986
KEPUTUSAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT, JABATAN MUZIUM MALAYSIA BAGI KENAIKAN PANGKAT SECARA KHAS
UNTUK PENYANDANG (KUP)

JAWATAN AHLI FOTOGRAFI GRED B11 KE GRED B18

1. Encik Hasan bin Haron - Berkuatkuasa mulai 1.01.2011

JAWATAN PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1 KE GRED N4

1. Encik Noordin bin Nadzri - Berkuatkuasa mulai 1.7.2009
2. Encik Abdul Rahim bin Ismail - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
3. Encik Mohd Yusof bin Sapiee - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011

JAWATAN TUKANG K3 GRED R9 KE GRED R14

1. Encik Jamli bin Uda Ibrahim - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
2. Encik Ahmat bin Ali - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011

JAWATAN PEKERJA AWAM GRED R1 KE GRED R4

1. Encik Saari bin Osman - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
2. Encik Mohamad bin Kamis - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
3. Encik Md Saad bin Khalib - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
4. Encik Ahmad bin Mohd Salleh - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
5. Encik Md Zain bin Haji Nasir - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011
6. Encik Subramaniam a/l Govindrajoo - Berkuatkuasa mulai 1.1.2011

PEGAWAI DAN STAF LAPOR DIRI BAGI BULAN APRIL/MEI/JULAI 2011

NO.	NAMA	TARIKH LAPOR DIRI	PENEMPATAN
1.	PLUAN NUR AZIASWANI BINTI ABDULLAH (JURUTERA GRED J41)	13.4.2011	UNIT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA
2.	ENCIK EDWIN ANAK ESING (PEM. PERPUSTAKAAN GRES S17)	3.5.2011	UNIT PERPUSTAKAAN
3.	CIK JUAIRNA BINTI SAMAT (AHLI FOTOGRAFI GRED B17)	1.4.2011	UNIT SUMBER MEDIA
4.	NURUL AIN BINTI MANAN (PEKERJA AWAM GRED R1)	4.7.2011	

KOLEKSI MUZIUM

Kelolaan : Bahagian Pendaftaran



TEPAK SIREH SULTAN ABDUL SAMAD

Tepak Sireh milik Almarhum Sultan Abdul Samad, Selangor (1859 - 1880) yang diperbuat daripada perak bersadur emas. Permukaan diukir timbul bunga ketumbit dan rama-rama serta lambang kerajaan negeri daripada emas. Di dalamnya mengandungi lima butir cembul dan kacip yang juga bersadur emas. Artifak ini telah disyiharkan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Senarai Warisan Kebangsaan 2009.



PATUNG AVALOKITESVARA

Patung Avalokitesvara ini ditemui di sebuah lombong bijih timah milik Anglo Oriental di Bidor, Perak pada tahun 1936. Patung ini diperbuat daripada gongsa dan mempunyai lapan tangan tetapi satu daripadanya telah patah. Patung ini dianggarkan wujud antara kurun ketujuh hingga ke-12 Masihi pada zaman peradaban Hindu-Buddha. Berat patung ini ialah 63 kg dan tinggi 93 cm. Artifak ini telah disyiharkan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Senarai Warisan Kebangsaan 2009.




DUIT EMAS SULTAN MUZAFFAR SHAH

Duit syiling yang diperbuat daripada emas ini digunakan semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Johor (1564-1570). Di bahagian depan bercetak nama Sultan Muzaffar Shah dalam tulisan Jawi dan di bahagian belakang bercetak gelaran Sultan "Khalifatul Mukminin" juga dalam tulisan Jawi. Artifak ini telah disyiharkan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Senarai Warisan Kebangsaan 2009.

RESENSI BUKU

Kelolaan : Unit Perpustakaan JMM



Judul : *Selat Melaka di Persimpangan Asia : Artikel Pilihan daripada Majalah Archipel*

Penulis / Penterjemah : Daniel Perret

ISBN : 978-967-9935-91-2


Ketebalan : 351 Muka Surat

Harga : RM23.00

Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2010

Buku ini diterbitkan berdasarkan artikel-artikel pilihan daripada majalah Archipel terbitan Perancis. Majalah ini adalah antara majalah terkemuka mengenai kajian sejarah dan budaya di dunia Melayu. Majalah ini memuatkan artikel-artikel dalam bahasa Perancis, Inggeris, Melayu dan Indonesia daripada pengkaji di seluruh dunia.

Buku ini juga merupakan susulan daripada buku Hubungan Budaya dalam Sejarah Dunia Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia bersama-sama cawangan Ecole Francalise d'Extreme-Orient (EFO) (Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis) di Kuala Lumpur tahun 1998. Buku ini bertujuan memperkenalkan hasil kajian beberapa orang pengkaji terkemuka yang tulisannya pernah dimuatkan dalam majalah tersebut dan bertemakan "Selat Melaka di Persimpangan Asia". Sembilan artikel telah diterjemah daripada bahasa Perancis dan satu artikel diterjemah daripada bahasa Inggeris. Kedudukan Selat Melaka sebagai salah satu jalur pelayaran terpenting di dunia yang mengawal arah aliran perdagangan dunia di sebelah timur yang amat kaya dengan hasil bumi dan kedudukannya yang strategik antara tanah besar China dan benua kecil India telah diketahui sejak zaman lampau. Sejak zaman-berzaman, petempatan muncul di sepanjang pantai dan muara sungai yang strategik lokasinya di Selat Melaka terutamanya di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu dan sepanjang pantai timur Sumatera. Bagi sesiapa yang ingin mengetahui lebih dalam lagi mengenai perdagangan yang berlaku di Selat Melaka suatu ketika dahulu, dapatkan buku ini di Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia.



Judul : *Tamadun Prasejarah Malaysia Muzium Negara*

Penulis / Editor : Dr. Adi Haji Taha

ISBN : 978-967-9935-92-9

Ketebalan : 132 Muka Surat

Harga : RM53.00

Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2011

Buku ini merakamkan urutan ketamadunan dan sejarah negara yang dipamerkan di Galeri Prasejarah Muzium Negara yang bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan dimanfaatkan kepada orang ramai dan

pelancong dari luar negara tentang sejarah penyelidikan arkeologi dan ketamadunan sejarah dan kebudayaan Malaysia. Proses pengembangan tamadun manusia mempunyai kaitan yang amat rapat dengan pemberian dan perubahan alam semula jadi serta persekitarannya. Bukti peninggalan yang dikemukakan hasil penyelidikan arkeologi dan kajian saintifik jelas memberikan suatu perspektif baharu dalam pembinaan semula pengembangan tersebut. Di Malaysia, usaha membongkar dan merungkaikan perkembangan tamadun manusia secara saintifik di beberapa lokasi penting dapat menjelaskan pentarikhkan, budaya dan kelompok masyarakat awal yang mendiaminya. Antara tapak yang terkenal di Semenanjung Malaysia ialah Lembah Lenggong, Lembah Neggiri, Lembah Bujang dan Kuala Selinsing. Seterusnya Tinkayu, Kinabatangan dan Lahad Datu di Sabah, manakala Gua Niah, Gua Sireh dan Santubong di Sarawak. Dalam memahami sejarah dan tamadun negara yang berakar umbi sejak sekian lama, seharusnya kita akan berasa bangga dan masyarakat lain juga akan menghormati kita sebagai satu bangsa yang bertamadun. Justeru, pameran di Galeri Prasejarah Muzium Negara menjadi penting sebagai pembuka tirai ketamadunan Malaysia. Buku ini diterbitkan dalam dwi bahasa, iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di samping teksnya yang ringkas dan padat dengan gambar-gambar yang cukup menarik.

Buku ini boleh didapati di Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur. Untuk membuat pesanan melalui telefon, sila hubungi : +603 2282-6255 atau melalui laman sesawang JMM di www.jmm.gov.my

KENALI MUZIUM MUZIUM PERAK Taiping, Perak.

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-perak>



Muzium Perak, Taiping merupakan antara institusi muzium yang terawal dibina di Asia Tenggara dan yang pertama di Malaysia. Bagi pihak pentadbiran British penubuhan sebuah muzium sangat penting sebagai pusat pengumpulan dan penyelidikan adat resam dan budaya masyarakat tempatan melalui 'material culture' bagi memudahkan pihak British mengenali dan memahami sosio budaya masyarakat di negara ini. Oleh sebab itu, bangunan muzium merupakan antara bangunan yang terawal dibina selain bangunan pentadbiran lain. Muzium Perak telah mula dibina pada tahun 1883 dan siap pada tahun 1886. Struktur bangunan muzium ini bercirikan senibina Inggeris neoklasik. Senibina ini banyak bercirikan elemen simetri dan keutamaan pada bahagian tampak hadapannya. Keselmbangan pada setiap bahagian menegak dan melintang amat dilitikberatkan. Ciri-ciri senibina fasad muzium ini meminjam elemen-elemen senibina zaman Greek klasikal dan Roman seperti 'pediment', 'entablature' dan 'motif kepala tiang'.

Idea penubuhan muzium ini dicetuskan oleh Sir Hugh Low, Residen British Ketiga di negeri Perak ketika itu yang mengarahkan Leonard Wray Juniors, seorang ahli botani, geologi dan Penguasa Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan pelbagai koleksi terutama spesimen zoologi, herbarium, etnologi masyarakat Melayu dan Orang Asli. Kerajaan Negeri Perak telah menggunakan khidmat seorang arkitek berbangsa Inggeris yang didatangkan khas dari England untuk merancang pembinaan Muzium Perak. Kerja-kerja pembinaan bangunan muzium dimulakan pada tahun 1883 dan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama, iaitu antara tahun 1883 hingga 1886, hanya bangunan utama dapat disiapkan. Bangunan ini dilengkapi ruang pejabat, perpustakaan dan galeri pameran. Leonard Wray Juniors telah dilantik sebagai Kurator Muzium Perak yang pertama (1883-1904). Fasa seterusnya bermula pada tahun 1889 dengan pembinaan serambi hadapan dan belakang.

Muzium Perak diketuai oleh Puan Nor Hanisah binti Ahmad. Waktu Operasi mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha. Masuk percuma.





Muzium-muzium di bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM SENI KRAFT ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK,
TAIPEI, PERAK



GALERIA PERDAWAH,
LANGKAWI




MUZIUM MATANG,
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG,
PERAK



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANCI,
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR



MUZIUM LABUAN,
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,
PUTRAJAYA

KUNJUNGILAH
MUZIUM